

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	23/12/2019	MUKA SURAT : 35
JABATAN	:	JPS / BANJIR	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Dua daerah dijangka banjir lagi

Mersing, Kota Tinggi dijangka banjir jika air pasang berlaku 25 Disember

KUALA

Beberapa kawasan di daerah Mersing dan Kota Tinggi dijangka terjejas akibat banjir sekiranya air pasang berlaku pada 25, 26 dan 27 Disember ini. Exco Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti Johor, Jimmy Pua Wee Tse berkata, fenomena air pasang itu dijangka menyebabkan paras air laut mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter.

Menurutnya, faktor empangan yang tidak boleh menampung jumlah hujan dan seterusnya berlaku limpahan serta fenomena air pasang akan menyebabkan banjir berlaku.

“Ada kawasan di Kota Tinggi yang akan naik sehingga tiga meter tetapi disebabkan daerah itu rendah yang asalnya paras air dua meter, ia akan terus naik kepada satu meter.”

“Bila air pasang datang, air tidak boleh keluar semula (jika bertembung sungai dan empangan) kerana graviti sebab paras air laut lebih tinggi daripada paras bawah, jadi ia akan berpatah balik. Itulah yang akan menyebabkan banjir,” katanya kepada pembertanggungjawabkan projek Pemangku Usahawan Melalui Pemasaran Online dan Penyampaian Geran Usahawan dan Belia



JIMMY PUAH

Niaga di sini senalarn. Jimmy Pua turut meminta orang ramai supaya bersedia kerana sekiranya hujan lebat pada tiga hari ini (25, 26 dan 27 Disember) kemungkinan banjir berlaku.

Katanya, pihaknya turut bersiap siaga dari segi aset bagi menghadapi banjir dan pemantauan banjir sentiasa dilakukan menerusi Jabatan Meteorologi Malaysia serta Jabatan

Pengaitan dan Saliran. Sementara itu beliau berkata, paras air Empangan Labong di Mersing dan Machap mengalami limpahan berikutan hujan lebat yang berterusan. *Bernama*



Tinjauan udara oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Johor di sekitar Kota Tinggi yang dinaliki air baru-baru ini.